☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 19/4/2012
Hari: (KHAMIS) M/S: 3
Ruangan: VARSITI

UUM prihatin nasib rakyat Palestin

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
bhvarsiti@bharian.com.my

SINTOK: Penganjuran Program Aman Palestin oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya memberi pendedahan kepada mahasiswa universiti terbabit mengenai kehidupan masyarakat Islam di Palestin di samping menyuntik semangat cintakan keamanan dalam diri mereka.

Yang DiPertua (YDP) MPP UUM, Amir Izzudin Abdul Rashid, berkata selain mengingatkan mahasiswa mengenai penderitaan rakyat Palestin, program turut mendidik mahasiswa untuk sama-sama membantu memberikan sumbangan melalui kutipan derma.

"Komitmen yang ditunjukkan rakan mahasiswa amat membanggakan apabila mereka sudi menghulurkan derma dan menandatangani kain rentang tanda bantahan terhadap kekejaman Zionis terhadap Palestin.

"Melalui penganjuran sebegini, ia mengajar kita agar bersyukur dilahirkan di negara aman seperti Malaysia dan pada masa sama, menggunakan kesempatan ini untuk sama-sama menyumbang kepada universiti, masyarakat dan negara," katanya dalam Majlis Tangisan Gaza Palestin di Dewan Budi Siswa, Pusat Budaya, UUM di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Naib YDP II MPP UUM, Siti Ruqayyah Abdul Razak pula mengucapkan tahniah dan berbangga dengan peserta yang mengambil bahagian dalam program berkenaan.

"Mereka yang terbabit sudah memberikan persembahan yang cukup baik sehingga memberikan impak kepada setiap tetamu yang hadir. Lantaran itu, program seperti ini perlu diteruskan untuk memberikan kesedaran kepada mahasiswa agar turut sama memainkan peranan memelihara keamanan negara," katanya.

Mahasiswa jurusan Pentadbiran Mualamat, Muhammad Amin Ahmad, berkata pendekatan MPP menganjurkan program itu wajar dipuji kerana mengingatkan mahasiswa mengenai penderitaan masyarakat Palestin.

"Mungkin ada dalam kalangan kita yang terlupa akan penderitaan masyarakat Islam di Palestin. Menerusi program ini, ia mengingatkan kita kembali terhadap pentingnya peranan kita sebagai umat Islam untuk membantu orang Islam yang lain.

"Walaupun bantahan dan sumbangan derma dianggap kecil, tetapi ia cukup berharga untuk meringankan bebanan yang dihadapi mereka," katanya.

Dalam majlis itu, Amir Izzudin turut menyerahkan sumbangan derma kepada Timbalan Pendaftar, Zaini Nasri untuk diserahkan kepada badan yang bertanggungjawab, Aman Palestin.

AMIR IZZUDIN menyerahkan kain rentang tanda bantahan kekejaman Zionis terhadap Palestin kepada Mohd Zaini (dua dari kanan).